

TARIKH: 9 JUN 2023
SURAT KHABAR: HARIAN METRO
MUKA SURAT: ms 7

CARUMAN SKSSR KWSP

Suami, lima anak terima manfaat peninggalan terakhir arwah isteri

Georgetown: "Saya tidak tahu arwah isteri ada mendaftar Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara sukarela.

"Mungkin ini persediaan dia sebelum meninggalkan kami akibat penyakit tiroid,"

kata Ali Che Din.

Pengawal keselamatan berusia 50 tahun itu berkata, dia tidak menyangka dirinya dan lima anak termasuk empat berstatus orang kurang upaya (OKU) layak menerima manfaat menerusi Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) arwah isteri.

Katanya, ia hanya diketahui ketika dihubungi wakil Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) selepas dua bulan Suzana Ismail, 42, meninggal dunia.

Ali berkata, menerusi skim itu melayakkannya menerima Faedah Pengurusan Jenazah RM2,000.

Manakala lima anak berusia antara enam



ALI menunjukkan foto Suzana yang meninggal dunia pada Mac lalu akibat penyakit tiroid.



MOHD Asri (enam dari kiri) ketika Kunjungan Ziarah Prihatin ke rumah Ali (tujuh dari kiri) di Sungai Pinang. - Gambar NSTP/ZUHAINY ZULKIFFLI

“Terima kasih kepada kerajaan dan Perkeso atas inisiatif ini Ali

hingga 20 tahun memperoleh manfaat daripada pencaharian penakat RM300 sebulan.

"Dua bulan selepas isteri meninggal dunia, saya dihubungi wakil Perkeso berkenaan perkara ini dan memang terkejut kerana dimaklumkan semua prosedur diselesaikan pihak terbabit," katanya di sini, kelmarin.

Menurut Ali, anaknya yang pertama hingga keempat adalah OKU dengan masalah pembelajaran yang mana anak sulung

bekerja sebagai penghantar e-hailing, tiga lagi masih menuntut di sekolah pendidikan khas dan seorang lagi di prasekolah.

"Pendapatan saya tidak seberapa, sekurang-kurangnya manfaat diterima dapat diguna bagi persekolahan anak dan itu yang sering difikirkan kerana sebelum ini semua diuruskan isteri.

"Terima kasih kepada kerajaan dan Perkeso atas inisiatif dalam memperkenalkan skim ini kepada suri rumah yang tidak bekerja," katanya ketika menerima

Kunjungan Ziarah Prihatin oleh Pengurus Perkeso Georgetown Mohd Asri Mohd Rasid dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Pinang, Lim Siew Kim.

Mohd Asri berkata, manfaat menerusi SKSSR itu mengikut Akta 838 dan sekali gus bertujuan meringankan beban keluarga pencaharian.

"Proses dilakukan dengan segera sebaik mendapat maklumat dan ini kes pertama membabitkan pencaharian di bahagian pulau negeri ini," katanya.